

UMNO perlu kukuh

JM 24 SEP 1993

Oleh AHMAD HAMID
dan SOPHA SULAIMAN

JITRA 23 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan UMNO sebagai parti terbesar di negara ini serta tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN) akan lumpuh jika ahli-ahli memilih pemimpin kerana kepentingan individu dan bukan kepentingan parti.

Perdana Menteri berkata, jika UMNO lumpuh bermakna kerajaan BN juga akan lumpuh kerana UMNO adalah teras kepada kerajaan yang didokong oleh pelbagai parti itu.

"Gejala ini akan menyebabkan negara tidak lagi dihormati dan dipandang hina oleh dunia luar sedangkan kini Malaysia begitu maju dan berjaya serta dihormati orang," kata beliau pada perasmian Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra di sini hari ini.

Menurut beliau, UMNO tidak boleh berpecah belah kerana ia adalah tulang kerajaan BN dan perannya lebih berat daripada parti-parti lain.

Katanya, beliau tidak menidakan peranan parti komponen BN yang lain tetapi UMNO perlu terus kukuh sebagai parti yang menyatukan parti-parti komponen itu untuk sama-sama mentadbir negara.

Sehubungan itu Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli UMNO, dalam memilih pemimpin parti mereka mestilah meletakkan kepentingan parti di atas

segala-galanya kerana yang penting adalah UMNO bukan individu.

Katanya, ahli-ahli mestilah menimbang sama ada seseorang calon itu boleh membawa kebaikan kepada parti, bukan kerana mereka mengenali calon itu atau calon itu pernah menabur budi kepada mereka.

"Jika ahli-ahli UMNO terlalu taksu dengan seseorang individu tertentu hingga tidak mepedulikan parti, UMNO akan rosak," kata Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan sekali lagi mengenai pendirian-

nya berkecuali dalam pemilihan kali ini dan menegaskan sokongannya hanyalah kepada UMNO.

"Saya tak sokong sesiapa dan tidak menolak sesiapa. Saya hanya menyokong UMNO," katanya.

Beliau kesal kerana dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO kali ini ada kecenderungan kepada usaha memenangkan seseorang calon tertentu, bukan untuk kebaikan parti.

Menurutnya, bermacam tuduhan dan pendedahan dibuat dalam usaha memenangkan individu tertentu dan akhirnya pihak

lawan yang mendapat faedah dari perbuatan tersebut.

"Perbuatan ini tidak baik dan boleh melemahkan UMNO. Jika individu tersebut menang pun tidak berguna kerana ia akan jadi pemimpin sebuah parti yang sudah lemah," kata Dr. Mahathir.

Menurutnya, proses demokrasi dalam UMNO adalah untuk memberi peluang memilih pemimpin, bukan untuk memecah belahkan parti.

Sehubungan itu, katanya, ahli-ahli mestilah menilai diri calon dan jika

calon itu didapati boleh membawa kebaikan kepada parti dia wajar diberikan sokongan.

"Kalau parti dijadikan pegangan utama, pemilihan tidak menjadi masalah kerana ahli akan memilih calon yang boleh memimpin parti.

"Tetapi kalau pemilihan dibuat kerana individu dan membelakangkan kepentingan parti, UMNO akan rosak," kata Dr. Mahathir.

Katanya, UMNO bukan ditubuhkan untuk membolehkan orang menjadi Presiden atau Timbalan Presiden tetapi untuk memperjuangkan nasib bangsa, agama dan tanah air.

Menurutnya, jika kepentingan seseorang individu tertentu diutamakan, ahli-ahli akan lupa kepada parti dan menganggap parti adalah milik orang tertentu.

"Jika kita menyokong keadaan ini bererti kita membiarkan diri diperalatkan. Akhirnya UMNO rosak dan lemah," katanya.

Beliau berkata, semua ahli UMNO mempunyai peranan tanpa mengira mereka tua atau muda kerana mereka sama-sama penting kepada parti.

Katanya, selagi semua pihak bekerjasama menayakan perjuangan UMNO, bukan perjuangan individu, parti akan terus kukuh.

Dr. Mahathir juga mengingatkan para perwakilan yang terpilih ke Perhimpunan Agung UMNO di Kuala Lumpur November ini supaya jangan sampai terpengaruh dengan pujukan atau sogokan bagi mengundi seseorang calon tertentu.